

03 APR 2001

Parlimen-Mahathir (Kemiskinan)

MALAYSIA CAPAI KEMAJUAN BESAR BASMI KEMISKINAN

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Malaysia mencapai kemajuan besar daripada segi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula guna tenaga dan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. (PARA 32)

Perdana Menteri berkata kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia telah berkurangan kepada 7.5 peratus pada tahun 1999 dengan sejumlah 351,100 isi rumah dikeluarkan daripada paras kemiskinan.

Kadar kemiskinan di bandar dan luar bandar berkurangan hampir separuh daripada tahap kemiskinan yang dicatatkan pada tahun 1990, katanya semasa membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Dasar Wawasan Negara di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Walaupun bagaimanapun, beliau berkata kadar kemiskinan di kalangan Bumiputera kekal tertinggi berbanding dengan kumpulan etnik lain.

Mengenai penyusunan semula masyarakat, bahagian pemilikan Bumiputera dalam sektor korporat pada awalnya meningkat daripada 19.3 peratus pada tahun 1990 kepada 20.6 peratus pada tahun 1995. (PARA 34)

Namun, akibat daripada krisis ekonomi, bahagiannya berkurangan kepada 19.1 peratus.

Dr Mahathir berkata bahagian pemilikan bukan Bumiputera juga terjejas sementara milik asing telah meningkat berikutan kelonggaran yang diberi kepada pelabur asing bagi mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.

Bagaimanapun daripada segi jumlah, pemilikan ekuiti Bumiputera dan bukan Bumiputera telah meningkat.

Mengenai program penswastaan yang merupakan jentera penting bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam syarikat korporat, Dr Mahathir berkata syarikat yang melaksanakan projek penswastaan disyaratkan memberi sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti kepada Bumiputera dan 30 peratus daripada kerja kontrak bagi projek besar kepada kontraktor Bumiputera.

Beliau berkata pelaksanaan program bagi Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera telah membantu meningkatkan bilangan Bumiputera dalam sektor korporat dan bukan korporat.

Daripada segi pembangunan wilayah, Dr Mahathir berkata negeri-negeri yang terlibat dengan sektor moden telah berkembang pesat dan peluang ekonomi lebih banyak di kawasan bandar.

Kira-kira tiga per lima daripada rakyat Malaysia tinggal di kawasan bandar pada tahun 2000 berbanding dengan hanya separuh pada 1990.

"Peningkatan penduduk bandar telah membawa fenomena baru, iaitu perluasan kawasan setinggan dan kemiskinan secara relatif di bandar di kalangan Bumiputera dan kaum India," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HS HS NMO